



UiTM@Media **2016**



Siswa Cemerlang



UiTM@Media
2016

Hakis rasa rendah diri

KEMARAAN wanita nyata sukar disekat dengan wujudnya profil wanita melakar sejarah atas pencapaian mereka dalam pelbagai bidang meskipun masih lagi di peringkat universiti.

Nama **Nurul Nabilah Abdul Jalil**, 21, mula meniti di bibir rata-rata rakyat Malaysia sejurus selepas dinobatkan sebagai pelajar keenam terbaik dunia *Prize Winner* bagi kertas P2 Laporan Korporat, Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) bersaing dengan pelajar-pelajar lain dari 181 negara.

Meskipun tidak meraih tempat pertama, Nurul Nabilah berjaya melakar sejarah sebagai pelajar terbaik Malaysia yang menempa nama dalam anugerah paling berprestij di dunia dalam bidang perakaunan.

Anak kelahiran Johor ini diangkat sebagai kelompok generasi Y yang gigih menempa

nama di persada antarabangsa yang tidak tahu erti kalah dalam perjuangan hidupnya.

Merupakan pelajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, dia mahu kejayaan yang dicapai mampu diterjemahkan dalam kerjaya pada masa hadapan sebagaimana dibuktikan oleh lepasan ACCA lain, seperti tokoh korporat ternama seperti Tan Sri Wahid Omar dan Tan Sri Tony Fernandez.

Berpegang kepada prinsip, 'hendak seribu daya tak hendak seribu dalih', dia mengakui ada sebilangan kecil wanita muda di negara ini mempunyai sifat rendah diri dan rasa 'terkebelakang' untuk bersaing di peringkat dunia.

Katanya, perasaan tersebut perlu dihakis dari kotak pemikiran.

Kurangnya sifat optimistik dalam diri menyebabkan ramai bersikap acuh tidak acuh dalam

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

pelaksanaan sesuatu tugas sedangkan mereka berkebolehan dan mampu berdaya saing.

“Kita memiliki ramai tenaga profesional muda wanita seperti doktor, arkitek, peguam dan akauntan wanita yang berkhidmat di negara-negara Amerika, Eropah dan Asia Tenggara.

Ini menunjukkan adanya keperluan untuk mengambil rakyat kita untuk bekerja di sana kerana pencapaian akademik wanita-wanita Malaysia sebenarnya setanding dengan negara maju.

“Saya berbangga dengan pencapaian tersebut kerana ini membuktikan wanita muda Malaysia telah mendapat pengiktirafan di peringkat dunia. Jika lebih banyak kejayaan yang dicipta wanita muda di peringkat global, saya percaya sifat negatif tersebut dapat dihakis,” katanya ketika dihubungi bari-baru ini.

Kejayaan yang dicapai baru-baru ini di luar jangkaannya dan bukan mudah kerana dia juga terpaksa menempuh pelbagai cabaran serta halangan yang datang dalam pelbagai bentuk.

Daripada masalah peribadi, kewangan sehinggalah kepada pembelajaran itu sendiri memberi kesan kepadanya untuk berusaha meletakkan dirinya ke peringkat yang lebih baik.

Apa yang mampu dilakukan selain usaha adalah berdoa kepada Allah dan meletakkan kebergantungan pada-Nya dalam melakukan setiap perkara yang mampu menguatkan dirinya.

Sempena Hari Wanita Kebangsaan yang disambut hari ini, Nurul Nabilah menaruh harapan tinggi agar setiap wanita dapat melakar kejayaan dalam apa jua bidang yang diceburi.



“Saya berbangga dengan pencapaian tersebut kerana ini membuktikan wanita muda Malaysia telah mendapat pengiktirafan di peringkat dunia.



- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

